

12 NOV 1997

Parlimen-Mahathir

BENTANG USUL KEPERCAYAAN TERHADAP DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan (BBC) hari ini meminta kerajaan membentangkan kepada Dewan Rakyat usul kepercayaan terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia dan menentang campur tangan Amerika Syarikat dalam urusan negara ini.

Presiden BBC Ruhanie Ahmad berkata usul itu perlu dibuat segera dan BBC akan memastikan semua anggota Parlimen termasuk anggota pembangkang menyokongnya.

"Kita mahu ia dibawa segera...kalau boleh dalam persidangan yang sedang berlangsung sekarang," katanya pada persidangan berita khas di ruang legar bangunan Parlimen di sini.

Beliau berkata tindakan anggota Kongres Amerika Syarikat Robert Waxler untuk membentangkan resolusi meminta Dr Mahathir memohon maaf atau meletak jawatan kerana dilaporkan menyatakan terdapat konspirasi Yahudi di sebalik krisis matawang di Asia Tenggara, adalah bertentangan dengan prinsip demokrasi dan kedaulatan negara.

Dr Mahathir sebelum ini telah pun menjelaskan bahawa beliau tidak membuat kenyataan sedemikian dan hanya menyalahkan spekulator matawang Amerika George Soros -- seorang Yahudi -- kerana memusnahkan ekonomi Malaysia melalui serangan terhadap ringgit.

"BBC berpendapat tindakan tersebut adalah ganjil dan luar biasa kerana ia dianjurkan oleh seorang anggota badan perundangan sebuah negara yang kononnya memperjuangkan dan mendukung prinsip demokrasi," katanya.

Ruhanie turut menggesa Peguam Negara menggunakan peruntukan undang-undang yang ada bagi menyekat dan menghalang langkah penyiasatan kerajaan Amerika Syarikat terhadap Petronas ekoran penglibatannya dalam projek usahasama gas di Iran.

"BBC menentang sekeras-kerasnya langkah tersebut kerana ia bertentangan dengan prinsip kedaulatan sesebuah negara dan keluhuran undang-undang. Perlu ditegaskan undang-undang yang diluluskan oleh mana-mana negara hanya terpakai untuk negara tersebut," katanya.

Petronas terlibat dalam satu konsortium bersama Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Rusia dalam usaha sama bernilai US\$2 bilion bagi membangunkan sebahagian daripada medan gas South Pars.

Penglibatan Petronas dalam urusan itu menyebabkan AS mengarahkan pasukan penyiasat dihantar ke Malaysia untuk menyiasat sama ada Petronas telah mencabuli satu akta negara itu.

Menurut Ruhanie, tindakan Amerika Syarikat itu sebenarnya bertentangan dengan dasar perdagangan bebas yang sentiasa dilaung-laungkan mereka sendiri.

"Sebagai sebuah negara perdagangan, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah meliberalisasikan ekonominya, kadang-kala sehingga melepasi batasan negara.

"Adalah sesuatu yang sangat menyedihkan sekiranya usaha Malaysia untuk mengorak langkah memperluaskan kegiatan perdagangan dan pelaburan antarabangsa dalam bidang yang negara ini mempunyai kelebihan itu dihalang," kata beliau. -- BERNAMA

HJ NMO